



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

FIESTA WANITA TEMUI PENGUNJUNG DI 11 LOKASI SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 24 JANUARI – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Worth Integrated menganjurkan Fiesta Wanita buat julung kalinya.

Fiesta Wanita merupakan karnival jualan produk wanita berkonsepkan Jualan Penghabisan Stok.

Menurut YB Dato Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) penganjuran Fiesta Wanita adalah bertujuan menyediakan platform bagi mempromosi memasarkan dan membantu usahawan wanita terutamanya pemasaran produk mereka.

“Kementerian prihatin dengan keperluan ekonomi semasa. Oleh itu, pada masa yang sama, penganjuran Fiesta ini dapat memberi peluang kepada orang ramai membeli belah dengan harga mampu milik dan secara tidak langsung menjana ekonomi usahawan yang terlibat”, katanya lagi sewaktu berucap pada Sidang Media Pra-Pelancaran Fiesta Wanita, di sini, hari ini.

Ujarnya, seramai kira-kira 80 usahawan yang terlibat dalam Fiesta Wanita ini. Antaranya 20 usahawan KPWKM yang terdiri daripada penerima geran pelancaran JKM, ibu tunggal, 1AZAM, OKU dan syarikat-syarikat ternama lain seperti SimplySiti, Dunia Herbs, Suo So Kosmetik, Qu Puteh dan Nouvelle Visage.

Fiesta Wanita akan menjelajah ke 11 lokasi bermula dari Johor Bahru pada Mac dan berakhir di Sarawak pada September 2017.

Jelas Rohani, Fiesta ini berbeza daripada karnival-karnival lain kerana memberi keutamaan kepada usahawan wanita dengan 90% adalah usahawan wanita yang berstatus SME dan korporat.” jelas Rohani

Katanya, selain jualan daripada usahawan, Kementerian juga menganjurkan program Bengkel Jualan Atas Talian kepada 20 usahawan KPWKM secara percuma di setiap lokasi.

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Tel; 03-83231087
E-mel: ukk@kpwkm.gov.my